

KAJIAN DAKWAH DAN PENGURUSAN: IMPLIKASI PENGGUNAAN INTERNET KEPADA PENGURUSAN MASA

*Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit & Hailan Hj. Salamon **

Abstrak

Kajian ini bertujuan mengenalpasti pengurusan masa di kalangan pengguna internet di Siber Kafe. Responden terdiri daripada 80 orang pengunjung di kawasan 'Golden Triangle' di sepanjang Jalan Bukit Bintang, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Imbi. Responden telah diberikan satu set soalan untuk mengumpul data berkaitan implikasi penggunaan internet terhadap pengurusan masa. Data yang diperolehi diproses melalui komputer dengan menggunakan program SPSS 11.5. Hipotesis-hipotesis telah diuji dengan menggunakan kaedah Korelasi Pearson. Daripada kajian ini, didapati bahawa terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengurusan masa dengan penggunaan internet terutama dalam laman WWW dan laman perbualan (chatting).

Abstract

This research is carried out to identify the time management among internet users in the Cyber Cafe. A sample of 80 Cyber Cafe users at 'Golden Triangle' along the Jalan Bukit Bintang, Jalan Sultan Ismail and Jalan Imbi have been chosen in this survey. Respondents have been given a set questions in gaining a data which is related to the implication of surfing the internet to the time management. SPSS 11.5 programme has been used for the purpose of processing

* Razaleigh bin Muhamat @ Kawangit & Hailan Hj. Salamon adalah pensyarah di Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. E-mail: raza@pktisc.cc.ukm.my

the data. The hypotheses have been tested through Pearson Correlation Statistical Computations. The result of the research shows that there is significant difference between the time management and surfing the internet especially in WWW and chatting website.

PENGENALAN

Seringkali sesuatu keputusan dibuat berdasarkan kepada tanggapan umum dan tidak berdasarkan kepada kajian yang teliti terutama sekali kajian kepada perlaku. Ini menjadikan sesuatu keputusan itu kurang tepat atau kalau ianya bertepatan pun ianya tidak dibuktikan kepada sesuatu asas. Kajian yang dijalankan ini adalah berkaitan dengan masalah mendedahkan dan menyampaikan sesuatu mesej yang baik ataupun disebut juga sebagai dakwah terutama sekali dari sudut pengurusan waktu kepada pengguna internet.

Dakwah boleh diertikan sebagai menyampaikan sesuatu yang baik, mendedahkan sesuatu kepincangan untuk tujuan kebaikan, memberi amaran tentang sesuatu yang buruk untuk tujuan kebaikan atau juga boleh diertikan dengan memperbaiki sesuatu yang telah nyata keburukannya. (Ahmad Azam Abdul Rahman. 2000:167) Manakala pengurusan adalah satu proses mentadbir dan mengatur sesuatu supaya menjadi lebih baik dan teratur. Proses ini melibatkan pelbagai situasi dan keadaan. Oleh yang demikian, sesuatu perkara yang diurus dengan baik akan menghasilkan sesuatu keputusan yang baik. (Andek Masnah Andek Kelawa. 1997:48)

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, kajian ini dijalankan adalah untuk menyampaikan sesuatu mesej yang baik dan mendedahkan kepincangan-kepincangan tertentu yang bersesuaian dengan konsep dakwah terutama sekali yang berkaitan dengan pengurusan dari sudut masa kepada pengguna internet khusus di Siber Kafe disekitar kawasan yang disebut sebagai “Golden Triangle” iaitu yang meliputi Jalan Bukit Bintang, Jalan Sultan Ismail dan Jalan Imbi. Secara tidak langsung juga kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana kebenaran tanggapan umum yang mengaitkan pengguna internet di Siber Kafe menyebabkan pembaziran masa dan pengurusan masa yang tidak betul.

Pernyataan masalah kajian

Secara umumnya antara pernyataan masalah kajian ini adalah seperti berikut:

1. Kurangnya usaha yang dimainkan oleh umat Islam khususnya mereka yang berpendidikan teknologi maklumat untuk mengenengahkan idea membenteras dan menangani kebanjiran maklumat pincang yang mampu mengubah minda masyarakat Islam.
2. Ada golongan di kalangan umat Islam yang mengelakkan diri dari terjebak dengan teknologi yang bercampur baur antara kebaikan dan kemungkar. Namun, peranan dakwah perlu dimainkan bagi mengisi 'vacum' yang boleh dimanipulasikan untuk kebaikan ummah.
3. Tuntutan untuk menikmati kemajuan dan pembangunan yang wujud memberi kebebasan kepada sesiapa sahaja untuk memiliki teknologi ini hingga kepada golongan remaja yang cenderung untuk melayari laman-laman yang negatif dan berbau maksiat.
4. Persoalan keruntuhan akhlak di kalangan remaja khususnya mereka yang beragama Islam mendedahkan kepincangan dan kekurangan terhadap penerapan nilai-nilai Islam serta penyuburan penghayatan Islam sama ada di institusi sekolah mahupun masyarakat.

Objektif kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti implikasi penggunaan internet terhadap pengurusan masa terutamanya kepada golongan remaja. Objektif khusus kajian adalah untuk:

1. Menyelidiki tanggapan masyarakat yang percaya bahawa masa yang banyak diperlukan dalam melayari internet dan kepercayaan bahawa berlakunya pembaziran masa kepada pengunjung Siber Kafe.

2. Mengetahui samada terdapat implikasi negatif yang serius dan kecenderungan ke arah nilai yang tidak baik hasil dari penggunaan internet terutama dari golongan remaja yang memperuntukan masa yang banyak di Siber Kafe.
3. Mendedahkan kepincangan dalam penggunaan internet terutamanya kepada golongan remaja kepada perkara-perkara yang dilarang hasil dari pengurusan masa melayari internet yang tidak betul.

Limitasi kajian

Skop dan limitasi kajian adalah seperti berikut:

1. Penggunaan internet merujuk kepada melayari Internet dalam laman WWW dan laman perbualan (chatting) sahaja.
2. Tumpuan tempat penggunaan internet adalah di Siber Kafe.
3. Kawasan Kajian ialah di kawasan yang dipanggil ‘Segi Tiga Emas’ di Bandaraya Kuala Lumpur.
4. Responden kajian adalah terdiri daripada 80 orang terutamanya dari golongan remaja.
5. Kajian ini dijalankan selama 6 bulan dalam tahun 2004.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian dan penulisan yang menyentuh tentang perkembangan dunia internet samada di dalam atau di luar negara. Antara contoh penulisan dari luar negara ialah yang ditulis oleh Uwe Afemann yang bertajuk “Internet and Developing Countries-Pros and Cons”. Tulisan ini memberi fokus berkaitan penggunaan internet dikalangan penduduk dunia khususnya warga dunia ketiga. Ia lebih memberi penumpuan kepada penerimaan warga dunia terhadap interet terutama di negara maju dan membangun. Menurut penulisan ini, wujud perbezaan yang ketara dalam penggunaan internet hasil dari kesan ekonomi negara dan tahap kemampuan individu di negara maju dan negara membangun.

Manakala kajian internet di Malaysia ada disentuh oleh Rahman Hashim, Arfah Yusof dan Normah Mustafa dalam penulisan bertajuk "From a Single Strand to a Myriad of Webs". Fokus penulisan ini ialah perkembangan internet di Malaysia bermula dari usaha seorang yang bernama Mohamed Awang Lah hinggalah ianya menjadi tumpuan orang ramai. Dinyatakan juga dalam penulisan ini ialah kronologi perkembangan internet di Malaysia bermula dari tahun 1983 hingga tahun 2000. Penulisan ini menumpukan perkembangan internet di Malaysia berdasarkan sampel yang diambil dari responden di Lembah Kelang.

Selain dari itu, banyak lagi penulisan yang berkaitan dengan internet samada di Malaysia atau di luar negara. Jika diteliti dari kebanyakan penulisan ini, banyak menumpukan sudut perkembangan, pembelajaran dan faedah yang didapati dari internet. Jarang sekali penulisan yang ditulis berkaitan keburukan internet dalam berbagai sudut termasuklah dari sudut pengurusan masa kepada pelayar internet. Mesej atau dakwah berkaitan pendedahkan kepincangan ini hanya tinggal pada tanggapan masyarakat umum yang tidak berasas atau ianya terbukti tetapi hanya dianggap sebagai masalah yang terpencil sahaja. Oleh yang demikian, kajian dan penulisan harus juga dibuat dari sudut ini supaya dapat memberikan keseimbangan kepada pengguna generasi masa depan antara kebaikan dan keburukan internet.

METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini pengkaji menggunakan beberapa teknik yang dianggap dapat membuka jalan dan memenuhi objektif kajian. Teknik penyelidikan yang digunakan adalah seperti berikut:

Penyelidikan kepustakaan

Melalui penyelidikan cara ini, pengkaji mengumpul data-data dan maklumat-maklumat yang diperlukan melalui bahan-bahan bercetak seperti buku ilmiah, jurnal, majalah, kertas kerja dan lain-lain bahan yang berkaitan. Metode yang digunakan ialah melalui:

- i) Metode pensejarahan - iaitu membuat penyelidikan tentang peristiwa yang benar-benar berlaku di dalam kehidupan manusia yang mempunyai nilai-nilai dari perspektif sejarah.
- ii) Metode dokumentasi - iaitu membuat penyelidikan dengan cara meneliti dan mengkaji sebarang bentuk dokumen dan penulisan yang memberikan pelbagai keterangan dan bukti.

Kajian lapangan

Menerusi penyelidikan ini, data dan maklumat yang diperolehi dalam bentuk lisan terutamanya dari sudut pandangan, tanggapan, harapan, cemuhan dan seumpamanya dikumpul dan dianalisa. Metode yang digunakan ialah seperti berikut:

1. Metode soal selidik - tujuan metode ini digunakan adalah untuk mendapatkan keterangan dan maklumat secara bertulis berdasarkan objektif kajian.
2. Metode observasi - iaitu mengumpul maklumat berdasarkan keterangan lisan dari pengguna internet yang bertepatan dengan objektif kajian dengan cara pengkaji sendiri menghadirkan diri. Seterusnya keterangan ini akan dianalisa.

Analisa data

Di dalam usaha menganalisa dan menyusun data yang telah diperolehi, pengkaji menggunakan metode-metode berikut:

1. Metode induktif - iaitu menganalisa data berdasarkan kepada kesimpulan yang berpandukan kepada bukti khusus untuk menyimpulkannya kepada bentuk umum.
2. Metode deduktif - iaitu menganalisa data berdasarkan kepada kesimpulan yang berpandukan kepada bukti umum untuk menyimpulkannya kepada bentuk khusus.
3. Metode deskriptif - iaitu cara menganalisa data dengan menggunakan peratusan dan kekerapan terhadap semua maklumat dan butiran yang berkaitan.

4. Metode komparatif - iaitu membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan terhadap beberapa data yang diperolehi semasa penelitian dijalankan.

ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian

1. Demografi pengunjung Siber Kafe di kawasan Segi Tiga Emas Kuala Lumpur

Hasil daripada tinjauan dan pengamatan yang dilakukan sepanjang tempoh kajian dijalankan, pengkaji telah mengkategorikan pengunjung Siber Kafe yang terlibat adalah terdiri daripada beberapa kategori dan kumpulan. Kategori dan kumpulan beserta peratusan mereka ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 1: Demografi pengunjung Siber Kafe di Segi Tiga Emas Kuala Lumpur

No	Nama & Alamat	Jumlah Pengunjung seminggu	Jumlah PC	Faktor	Kategori	Peratus (%)
1.	Jia Internet Jln. Alor, Jln. Sultan Ismail, Kuala Lumpur.	>200	17	W.Negara	M'sia	90%
					Asing	10%
				Umur	<16 thn	80%
					>16 thn	20%
				Bangsa	Melayu	30%
	B.Bumi	60%				
	Asing	10%				
2.	21 Century Internet 38, Jalan Alor, Jln. Sultan Ismail, Kuala Lumpur.	>200	20	W.Negara	M'sia	80%
					Asing	20%
				Umur	<16 thn	60%
					>16 thn	40%
				Bangsa	Melayu	30%
	B.Bumi	50%				
	Asing	20%				

3.	Digitronic NetCafe Internet Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.	>100	15	W.Negara	M'sia 15% Asing 85%
				Umur	<16 thn - >16 thn 100%
				Bangsa	Melayu 5% B.Bumi 10% Asing 80%
4.	Internet Café No. 75, Aras 2, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.	>150	20	W.Negara	M'sia 20% Asing 80%
				Umur	<16 thn - >16 thn 100%
				Bangsa	Melayu 10% B.Bumi 10% Asing 80%
5.	Pusat Internet Hotel Putra Bintang Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.	>150	15	W.Negara	M'sia 40% Asing 60%
				Umur	<16 thn - >16 thn 100%
				Bangsa	Melayu 10% B.Bumi 30% Asing 60%
6.	AMPM E Zone Lot No. 4-21, 4th. Floor, Plaza Low Yat, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.	>100	202	W.Negara	M'sia 70% Asing 30%
				Umur	<16 thn 40% >16 thn 60%
				Bangsa	Melayu 20% B.Bumi 50% Asing 30%
7.	Pusat Internet Bintang Internet Centre Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur.	>50	10	W.Negara	M'sia 70% Asing 30%
				Umur	<16 thn - >16 thn 100%
				Bangsa	Melayu 20% B.Bumi 50% Asing 30%
8.	D'café Internet Plaza Bukit Bintang, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur.	>800	34	W.Negara	M'sia 50% Asing 50%
				Umur	<16 thn 10% >16 thn 90%

Kajian Dakwah: Implikasi Penggunaan Internet Kepada Pengurusan Masa

				Bangsa	Melayu	20%
					B.Bumi	30%
					Asing	50%
9.	South Friday Corp. Sdn. Bhd. No. 59B, 2 nd Floor, Jln. Sultan Ismail, Kuala Lumpur.	>250	20	W.Negara	M'sia	60%
					Asing	40%
				Umur	<16 thn	20%
					>16 thn	80%
				Bangsa	Melayu	20%
					B.Bumi	40%
					Asing	40%

Berhuruf Gelap (Bold)

Kriteria tertentu responden dalam kajian ini

Sumber: Analisis borang soal selidik

2. Pengguna internet berdasarkan jantina

Penggunaan berdasarkan jantina ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 2: Pengguna internet berdasarkan jantina

Jantina (n = 80)	Kekerapan	%
Lelaki	50	62.5%
Wanita	30	37.5%
Jumlah	80	100%

Sumber: Analisis borang soal selidik

3. Pengguna internet berdasarkan kumpulan umur

Jadual berikut menunjukkan pengguna internet berdasarkan kumpulan umur:

Jadual 3: Pengguna internet berdasarkan kumpulan umur

Kumpulan Umur (n = 80)	Kekerapan	%
16 – 20 tahun	26	32.5%
21 – 25 tahun	34	42.5%
26 tahun ke atas	20	25%
Jumlah	80	100%

Sumber: Analisis borang soal selidik

4. Status kerjaya pengguna internet

Statusnya ditunjukkan seperti jadual berikut:

Jadual 4: Status kerjaya pengguna internet

Pendidikan(n = 80)	Kekerapan	%
Bersekolah	28	25%
Bekerja	52	65%
Jumlah	80	100%

Sumber: Analisis borang soal selidik

Analisis dapatan kajian

1. Analisis penggunaan internet mengikut masa dalam tempoh seminggu

Analisis ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 5: Penggunaan internet mengikut masa dalam tempoh seminggu

Tempoh Masa(n = 80)	Kekerapan	%
<4 jam	28	35%
<8 jam	33	41.3%
>8 jam	19	23.8%
Jumlah	80	100%

Sumber: Analisis borang soal selidik

Kajian Dakwah: Implikasi Penggunaan Internet Kepada Pengurusan Masa

2. Analisis penggunaan internet berdasarkan laman yang digemari

Diringkaskan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 6: Analisis penggunaan internet berdasarkan laman yang digemari

Laman Kegemaran(n = 80)	Kekerapan	%
Perbualan	12	18.8%
WWW	32	40%
E-mel	30	37.5%
Lain-lain	3	3.8%
Jumlah	80	100%

Sumber: Analisis borang soal selidik

3. Analisis pengguna internet berkaitan kegemaran mengunjungi Siber Kafe

Ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 7: Kegemaran mengunjungi internet


Laman Kegemaran (n = 80)	Kekerapan	%
Belum Daftar Pelanggan	9	11.3%
Internet	30	37.5%
Tiada Komputer di Rumah	38	47.5%
Bebas Melayari Internet	3	3.8%
Lain-lain		
Jumlah	80	100%

Sumber: Analisis borang soal selidik

4. Analisis penggunaan internet berdasarkan tujuan penggunaan

Disimpulkan berdasarkan jadual berikut:

Jadual 8: Penggunaan internet berdasarkan tujuan penggunaan



Tujuan Penggunaan(n = 80)	Kekerapan	%
16 – 20 tahun	26	32.5%
21 – 25 tahun	34	42.5%
26 tahun ke atas	20	25%
Jumlah	80	100%

Sumber: Analisis borang soal selidik

5. Analisis pengguna internet kepada laman WWW

Analisis tersebut ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 9: Analisis pengguna internet kepada laman WWW

No	Pernyataan	STS		TS		TP		S		SS	
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
S1	Saya pernah melayari WWW	-	-	1	1.3	7	8.8	33	41.3	39	48.8
S2	Saya memperuntukkan masa lama melayari WWW	6	7.5	26	32.5	4	5	32	40	12	15
S3	Tujuan melayari WWW hanya mengisi masa lapang	7	8.8	17	21.3	4	5	36	45	16	20
S4	Secara tidak sengaja saya pernah melihat gambar atau rencana yang berbaur lucu dalam internet	15	18.8	7	8.8	9	11.3	37	46.3	12	15
S5	Saya bebas melayari laman web yang menyediakan gambar-gambar/cerita/rencana lucu	19	23.8	31	38.8	2	2.5	21	26.3	7	8.8
S6	Saya tahu ada laman yang tidak sepatutnya dikunjungi tetapi perasaan ingin tahu yang mendorong untuk melawatinya	11	13.8	25	31.3	4	5	29	36.3	11	13.8

Sumber: Analisis borang soal selidik

Soal selidik yang disediakan mengandungi 6 item soalan-soalan berkenaan penggunaan internet oleh responden yang berkaitan dengan melayari www. Dalam item-item tersebut, ada diselitkan dengan pernyataan yang negatif bagi menguji jawapan dan tindak balas responden terhadap tajuk tinjauan. Terdapat tiga pernyataan negatif dan bakinya merupakan item-item yang positif. Item-item positif ialah soalan-soalan yang bernombor 1,2,3 manakala pernyataan yang berbentuk negatif ialah soalan-soalan yang bernombor 4,5, dan 6.

Merujuk kepada Jadual 9 di atas, hasil kajian mendapati bahawa seorang (1.3%) menyatakan tidak setuju, 7 orang (8.8%) menyatakan tidak pasti, 33 orang (41.3%) menyatakan setuju manakala 39 orang (48.8%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 72 orang (90%) positif melayari laman WWW.

Bagi pernyataan kedua, hasil kajian mendapati bahawa 6 orang (7.5%) menyatakan sangat tidak setuju, 26 orang (32.5%) menyatakan tidak setuju, 4 orang (5%) menyatakan tidak pasti, 32 orang (40%) menyatakan setuju manakala 12 orang (15%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 44 orang (55%) positif memperuntukkan masa yang lama melayari www.

Bagi pernyataan ketiga, hasil kajian mendapati bahawa 7 orang (8.8%) menyatakan sangat tidak setuju, 17 orang (21.3%) menyatakan tidak setuju, 4 orang (5%) menyatakan tidak pasti, 36 orang (45%) menyatakan setuju manakala 16 orang (20%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 52 orang (65%) positif melayari WWW hanyalah untuk mengisi masa lapang ataupun sebagai hiburan.

Bagi pernyataan keempat, hasil kajian mendapati bahawa 15 orang (18.8%) menyatakan sangat tidak setuju, 7 orang (8.8%) menyatakan tidak setuju, 9 orang (11.3%) menyatakan tidak pasti, 37 orang (46.3%) menyatakan setuju manakala 12 orang (15%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 49 orang (61.3%) positif pernah secara tidak sengaja melihat gambar atau rencana yang bebrau lucu dalam internet.

Bagi pernyataan kelima, hasil kajian mendapati bahawa 19 orang (23.8%) menyatakan sangat tidak setuju, 31 orang (38.8%) menyatakan tidak setuju, 2 orang (2.5%) menyatakan tidak pasti, 21 orang (26.3%) menyatakan setuju manakala 7 orang (8.8%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 28 orang (35%) positif bebas untuk melayari laman web yang menyediakan gambar-gambar atau cerita dan rencana lucu.

Bagi pernyataan keenam, hasil kajian mendapati bahawa 11 orang (13.8%) menyatakan sangat tidak setuju, 25 orang (31.3%) menyatakan tidak setuju, 4 orang (5%) menyatakan tidak pasti, 29 orang (36.3%) menyatakan

Kajian Dakwah: Implikasi Penggunaan Internet Kepada Pengurusan Masa

setuju manakala 11 orang (13.8%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 40 orang (50%) positif mengakui ada laman yang tidak sepatutnya dikunjungi tetapi perasaan ingin tahu yang mendorong mereka melawati laman tersebut.

6. Analisis pengguna laman perbualan (chatting)

Analisisnya seperti jadual berikut:

Jadual 10: Analisis pengguna laman perbualan (chatting)

No	Pernyataan	STS		TS		TP		S		SS	
		F	%	F	%	F	%	F	%	F	%
S1	Saya pernah melayari chatting	1	1.3	3	3.8	2	2.5	42	52.5	32	40
S2	Saya memperuntukkan masa lama melayari web chatting	11	13.8	19	23.8	1	1.3	31	38.8	18	22.5
S3	Tujuan chatting hanya mengisi masa lapang	6	7.5	13	16.3	1	1.3	36	45	24	30
S4	Saya berminat berbual dengan teman chatting yang berlawanan jantina	7	8.8	22	27.5	7	8.8	24	30	20	25
S5	Saya lebih suka menggunakan nama samaran dan latarbelakang yang lain ketika berbual	6	7.5	13	16.3	4	5	46	57.5	11	13.8
S6	Saya selalu menggunakan bahasa kesat dan kasar ketika berbual	38	47.5	29	36.3	3	3.8	7	8.8	3	3.8
S7	Saya berasa bebas menggunakan perkataan lucu dan ghairah ketika berbual	36	45	27	33.8	7	8.8	8	10	2	2.5
S8	Saya tahu ada batasan yang perlu dijaga ketika berbual tetapi saya seronok dan bebas mendorong saya berbual apa sahaja	14	17.5	22	27.5	3	3.8	35	43.8	6	7.5

Sumber: Analisis borang soal selidik

Dalam bahagian ini, borang soal selidik yang diedarkan mengandungi 8 item soalan-soalan berkenaan penggunaan internet oleh responden yang berkaitan dengan melayari laman perbualan (chatting). Dalam item-item tersebut, ada diselitkan dengan pernyataan yang negatif bagi menguji jawapan dan tindak balas responden terhadap tajuk tinjauan. Terdapat tiga pernyataan negatif dan bakinya merupakan item-item yang positif. Item-item positif ialah soalan-soalan yang bernombor 1,2,3,4,5 manakala pernyataan yang berbentuk negatif ialah soalan-soalan yang bernombor 6,7, dan 8.

Merujuk kepada Jadual 10 di atas, hasil kajian mendapati bahawa seorang (1.3%) menyatakan sangat tidak setuju, 3 orang (3.8%) menyatakan tidak setuju, 2 orang (2.5%) menyatakan tidak pasti, 42 orang (52.5%) menyatakan setuju manakala 32 orang (40%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 74 orang (92.5%) positif melayari laman perbualan (chatting).

Bagi pernyataan kedua, hasil kajian mendapati bahawa 11 orang (13.8%) menyatakan sangat tidak setuju, 19 orang (23.8%) menyatakan tidak setuju, 1 orang (1.3%) menyatakan tidak pasti, 31 orang (38.8%) menyatakan setuju manakala 18 orang (22.5%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 49 orang (61.25%) positif memperuntukkan masa yang lama melayari laman perbualan (chatting).

Bagi pernyataan ketiga, hasil kajian mendapati bahawa 6 orang (7.5%) menyatakan sangat tidak setuju, 13 orang (16.3%) menyatakan tidak setuju, 1 orang (1.3%) menyatakan tidak pasti, 36 orang (45%) menyatakan setuju manakala 24 orang (30%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 60 orang (75%) positif melayari laman perbualan (chatting) hanyalah untuk mengisi masa lapang ataupun sebagai hiburan.

Bagi pernyataan keempat, hasil kajian mendapati bahawa 7 orang (8.8%) menyatakan sangat tidak setuju, 22 orang (27.5%) menyatakan tidak setuju, 7 orang (8.8%) menyatakan tidak pasti, 24 orang (30%) menyatakan setuju manakala 20 orang (25%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 44 orang (55%) positif berminat berbual dengan teman yang berlawanan jantina.

Bagi pernyataan kelima, hasil kajian mendapati bahawa 6 orang (7.5%) menyatakan sangat tidak setuju, 13 orang (16.3%) menyatakan tidak setuju, 4 orang (5%) menyatakan tidak pasti, 46 orang (57.5%) menyatakan setuju manakala 11 orang (13.8%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 57 orang (71.25%) positif berasa lebih selesa menggunakan nama samaran dan latarbelakang yang lain ketika berbual.

Bagi pernyataan keenam, hasil kajian mendapati bahawa 38 orang (47.5%) menyatakan sangat tidak setuju, 29 orang (36.3%) menyatakan tidak setuju, 3 orang (3.8%) menyatakan tidak pasti, 7 orang (8.8%) menyatakan setuju manakala 3 orang (3.8%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 10 orang (12.5%) positif selalu menggunakan bahasa kesat dan kasar ketika berbual dalam laman perbualan (chatting).

Bagi pernyataan ketujuh, hasil kajian mendapati bahawa 36 orang (45%) menyatakan sangat tidak setuju, 27 orang (33.8%) menyatakan tidak setuju, 7 orang (8.8%) menyatakan tidak pasti, 8 orang (10%) menyatakan setuju manakala 2 orang (2.5%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 10 orang (12.5%) positif berasa bebas menggunakan perkataan lucu dan ghairah ketika berbual dalam laman perbualan (chatting).

Bagi pernyataan kelapan, hasil kajian mendapati bahawa 14 orang (17.5%) menyatakan sangat tidak setuju, 22 orang (27.5%) menyatakan tidak setuju, 3 orang (3.8%) menyatakan tidak pasti, 35 orang (43.8%) menyatakan setuju manakala 6 orang (7.5%) menyatakan sangat setuju. Ini menunjukkan bahawa seramai 41 orang (51.25%) positif mengakui ada batasan yang perlu dijaga ketika berbual tetapi rasa seronok dan bebas mendorongnya berbual apa sahaja.

Analisis implikasi penggunaan internet kepada pengurusan masa

1. Hipotesis-hipotesis.

Hipotesis-hipotesis yang disediakan untuk perkara ini adalah seperti berikut:

Hipotesis 1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara implikasi pengurusan masa dengan melayari laman WWW.

Hipotesis 2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara implikasi pengurusan masa dengan melayari laman perbualan (chatting).

2. Keputusan analisis.

i) Analisis hipotesis kepada laman WWW.

Jadual 11: Analisis hipotesis kepada laman WWW

Pembolehubah	N	Nilai r	Signifikan(p)
Pengurusan masa	80	0.280*	0.012
Laman web WWW	80		

Sumber: Analisis data berdasarkan Korelasi Pearson

Jadual 11 adalah hasil analisis Korelasi Pearson bagi menguji hubungan di antara implikasi pengurusan masa dengan melayari WWW oleh responden. Aras keyakinan atau signifikan yang digunakan dalam ujian ini ialah 0.05. Keputusan ujian menunjukkan nilai $r=0.280^*$ dan $p=0.012$ iaitu lebih kecil daripada alpha 0.05 ($p=0.012 < 0.05$). Oleh itu, keputusan analisis Korelasi Pearson ini berjaya menolak hipotesis nul. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan di antara implikasi pengurusan masa dengan melayari WWW.

ii) Analisis hipotesis kepada laman perbualan (chatting)

Keputusannya ditunjukkan dalam jadual berikut:

Jadual 12: Analisis hipotesis kepada laman perbualan (chatting)

Pembolehubah	N	Nilai r	Signifikan(p)
Pengurusan masa	80	0.249*	0.026
Laman chatting	80		

Sumber: Analisis data berdasarkan kepada Korelasi Pearson

Jadual 12 adalah hasil analisis Korelasi Pearson bagi menguji hubungan di antara implikasi pengurusan masa dengan melayari laman perbualan (chatting) oleh responden. Aras keyakinan atau signifikan yang digunakan dalam ujian ini ialah 0.05. Keputusan ujian menunjukkan nilai $r=0.249^*$ dan $p=0.026$ iaitu lebih kecil daripada alpha 0.05 ($p=0.026 < 0.05$). Oleh itu, keputusan analisis Korelasi Pearson ini berjaya menolak hipotesis nul. Kesimpulannya, terdapat hubungan yang signifikan di antara implikasi pengurusan masa dengan melayari laman perbualan (chatting).

KESIMPULAN

Beberapa perkara boleh disimpulkan daripada kajian ini. Antaranya:

Penggunaan internet terutamanya kepada laman WWW dan laman perbualan (chatting) memerlukan peruntukan masa tertentu. Walau bagaimanapun masa yang digunakan seharusnya digunakan dengan bijak dengan melayari sesuatu yang positif dan mendatangkan faedah. Realiti yang terjadi, para pengguna akhirnya akan ketagih untuk melayari kedua-dua laman tersebut. Akhirnya akan memberi implikasi kepada pengurusan masa dan yang lebih teruk daripada itu berkemungkinan akan wujudnya kecenderungan untuk menyeleweng kepada perkara-perkara yang negatif sewaktu melayarinya.

Golongan yang akan terbuka kepada implikasi negatif pengurusan masa sewaktu melayari laman WWW dan laman perbualan (chatting) ialah golongan remaja. Ini kerana naluri semulajadi mereka untuk mencuba sesuatu yang baru. Oleh yang demikian, pembaziran waktu dan kos akan berlaku.

Keperluan untuk mewujudkan satu etika mengikut piawaian yang 'standard' yang boleh digunakan oleh semua orang dalam melayari laman WWW dan laman perbualan (chatting) agar tidak terjerumus kepada sesuatu nilai yang negatif.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman. 2003. *Revolusi Teknologi Maklumat dan Umat Islam di Malaysia*. *Pemikir*. April-Jun.
- Abd. Rahim Abd. Rashid. 2001. *Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan & Cabaran Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Rahaman Abdul Al-Khaliq. T.th. *Fusul Min Al-Siasat al-Syariah Fi Al-Dakwah Ila Allah*. Misr: Jamiyyat Ihya’ al-Turath al-Islami.
- Abu Bakar Abdul Majeed, Siti Fatimah Abdul Rahman. 2000. *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Abdul Latif Samian. 2000. *Perkembangan Sains dan Peradaban Manusia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ahmad Azam Abdul Rahman. 2000. *Dakwah Dalam Gerakan Islam di Malaysia* dalam buku *Dakwah Gerakan Islam Alaf Baru*, penyunting: Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Badlihisham Mohd Nasir dan Berhanundin Abdullah. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alan Dennis. 2002. *Networking In The Internet Age*. USA: John Wiley & Sons, Inc.
- Andek Masnah Andek Kelawa. 1997. *Peranan Kepimpinan Bersepadu dan Seimbang Dalam Membentuk Masyarakat Berkualiti* dalam buku *Dinamika Dakwah Dalam Kepimpinan*, penyunting: Che Yusoff Che Mamat dan Syamsul Bahri Andi Galigo. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- David Nicholas dan Lan Rowlands. 2000. *The Internet: Its Impact And Evaluation*. London: Aslib/IMI.
- Ding Choo Ming. 2004. *Menelusuri Pemikiran ICT Mahathir*. *Pemikir*. Januari-Mac

- Ding Choo Ming. 2003. *Sebuah Rumah Sebuah Komputer. Pemikir*. April-Jun.
- Dr. Abdul Kareem Zaidan. 1997. *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- Dr. Mahathir Mohamad. 2001. *Islam And The Muslim Ummah*. Edited by. Hashim Makaruddin. Malaysia: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Dr. Yusuf al-Qaradhawi. 1999. *Tamadun Islam Alternatif Masa Depan*. Penterjemah Ustaz Haji Juanda Haji Jaya. Selangor: Maktabah al-Qardhawi.
- Fathi Yakan. *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, penterjemah Ustaz Alias Othman. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.
- Hasnah Bt. Ghani dan Prof. Madya Dr. Mat Saad Abd. Rahman. 1995. *Jenayah Remaja Permasalahan dan Penyelesaian*. Shah Alam: Hizbi.
- Ismail Bakar. 1999. *Sejarah Tamadun Islam*. Selangor. Jab. Pengajian Arab & Tamadun Islam. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Ibrahim Saad. 1977. *Pendidikan dan Politik Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jorg Becker and Rahmah Hashim. 2001. *Internet Malaysia*. Department of Communication, UKM. Bangi.
- Khalid Al-Khateeb. 2002. *Science And Technology In Islam*. K. Lumpur: Research Centre International Islamic University Malaysia.
- Latifah Pawanteh dan Samsudin A. Rahim. 2001. *Internet Usage Among Adolescents: Pattern of An Emerging Lifestyle In A Changing Media Landscape dalam Internet Malaysia*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.
- Map Kuala Lumpur. 2000. Periplus Editions
- Maryam Jameelah. 1976. *Modern Technology and The Dehumanization of Man*. Pakistan: Publishers Mohammad Yusuf Khan.

Mohd. Rafee Yusoff. 2000. *Imperatif Etika Dalam Perdagangan Elektronik dalam Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Mohd. Safar Hashim. 2000. *Pengkubuan Minda Dalam Menghadapi Cabaran Multimedia dalam Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Mohd. Sobhi Ishak dan Syamsul Anuar Ismail, *Kumpulan Diskusi Interaktif 'e-group' dan Aktiviti Seks Siber: Suatu Tinjauan Ke Atas Komuniti Online*. Seminar Kaunseling Kebangsaan City Bayview. Langkawi.

Muhammad Qutb. 1974. *Jabilyyah al-Qorni al-Isyirin*. Kaherah Mesir: Dar al-Syuruq.

Rahmad Hashim, Arfah Yusof dan Normah Mustafa. 2001. *From A Single Strand To A Myriad of Webs: Internet Development In Malaysia* dalam *Internet Malaysia*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.

Statistik Premis Siber Kafe Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 2003

Suzanne Haneef. 2001. *What Everyone Should Know About Islam And Muslims*. Delhi: Adam Publishers & Distributors.

Uwe Afemann. 2001: *Internet And Developing Countries - Pros And Cons* dalam *Internet Malaysia*. Bangi: Jabatan Komunikasi UKM.

Yeow Leong Swee. 1996. *Pengenalan Kepada Internet*. Malaysia: Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd.

Zakaria Stapa. 1994. *Masyarakat Islam dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Zulkiple Abd. Ghani. 2000 *Imperatif Multimedia Dalam Pembangunan Ummah* dalam *Multimedia dan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.